



Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin

Ciptaan Allah tiada tolok bandingan

12/5/2016
Harian Metro

Allah SWT adalah Tuhan bagi seluruh manusia. Tuhan menciptakan sebaik-baik makhluk dengan pelbagai rupa yang mempunyai cap jari berbeza antara satu sama lain. Dia jua Tuhan menciptakan bumi terhampar luas dan langit berdiri tanpa tongkat.

Dia menghidupkan flora dan fauna berwarna-warni, bernafas dan bergerak bebas di muka bumi ini serta lautan biru yang luas menjadi sumber makanan bagi manusia.

Apakah kita masih meragui kewujudan dan kekuasaan-Nya selepas kita melihat ciptaan yang tiada tolok bandingnya ini?

Cuba kita perhatikan alam sekeliling kita, keindahan pokok pelbagai jenis dan rupa yang semuanya itu dalam perhatian Tuhan sekalian alam, hatta satu daun jatuh ke bumi sekalipun dalam ilmu-Nya.

Tidakkah deruan air sungai mengalir menenangkan hati serta melapangkan minda kita? Setiap jiwa pasti serasi dengan alam ciptaan-Nya. Tiada manusia mampu mencipta semua ini melainkan melalui kekuasaan dan keesaan-Nya.

Melalui pemerhatian serta penilaian akal

mengenai penciptaan langit dan bumi serta segala isinya akan membawa manusia kepada pengakuan akan wujudnya Tuhan.

Tuhan wujud sebagai suatu kuasa besar mencipta semua ini. Dia Tuhan yang Maha Bijaksana iaitu Allah.

Firman-Nya bermaksud: "Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan silih bergantinya malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan dan keluasan rahmat Allah) bagi orang yang berakal.

"(Iaitu) orang-orang yang mengingati Allah dalam keadaan berdiri, duduk dan

berbaring, dan mereka memikirkan mengenai kejadian langit dan bumi (sambil berkata): Ya Tuhan kami, tiadalah Engkau menciptakan ini dengan sia-sia. Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami daripada seksa neraka." (Surah Ali-Imran, ayat 190 dan 191)

Segala ciptaan Allah ini tidaklah sia-sia. Dan semuanya pasti dirancang dengan teliti oleh-Nya. Adalah di luar kemampuan pemikiran kita untuk melihat semua maksud tersirat.

"Dan tiadalah Kami menciptakan langit dan bumi serta segala yang ada

di antara kedua-duanya sebagai ciptaan yang tidak mengandungi hikmah dan keadilan; yang demikian adalah sangkaan orang-orang yang kafir. Maka kecelakaanlah bagi orang-orang yang kafir daripada azab neraka." (Surah Shad, ayat 27)

Daripada maksud ayat berkenaan, jelas segala sesuatu di bumi dan langit serta yang ada di antara kedua-duanya tidak sia-sia. Lantas, untuk siapakah semuanya itu?

Lihat ayat bermaksud: "Allah yang menjadikan bumi sebagai tempat penetapan untuk kamu dan langit sebagai bumbung

yang kukuh binaannya. Dan Dia membentuk kamu, lalu memperelokkan rupa kamu serta dikurniakan kepada kamu daripada benda-benda yang baik lagi halal.

"Yang demikian (kekuasaan-Nya dan kemurahan-Nya) ialah Allah, Tuhan kamu. Maka, nyatalah kelebihan dan kemurahan Allah, Tuhan sekalian alam." (Surah al-Mukmin, ayat 64)

Nyata, setiap ciptaan Allah mempunyai fungsi dan manfaat kepada manusia. Cukuplah alam ini serta segala isinya menjadi bukti untuk kita bertakwa dan mentaati perintah-Nya dengan sepenuh hati.

Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan Profesor di UPM